



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

NRES PERKUKUH PERUNDANGAN DAN INSTITUSI IKLIM PACU PELABURAN HIJAU NEGARA

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang mempergiat usaha memperkukuh kerangka perundangan dan institusi bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi utama Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang mampan.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup menegaskan bahawa pengurusan sumber asli secara bijak adalah kunci untuk menarik pelaburan yang mampu melonjakkan rantai nilai industri negara selaras dengan standard Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) global.

Bagi menyokong matlamat ini, NRES kini sedang memuktamadkan dua tunjang perundangan utama iaitu RUUPIN (RUU Perubahan Iklim Negara) dan RUUIKLIM (RUU Lembaga Perubahan Iklim Negara). RUUPIN akan memuktamadkan komitmen Malaysia untuk mencapai sasaran Pelepasan Sifar Bersih menjelang 2050 ke dalam undang-undang serta mewujudkan sistem pelaporan mandatori melalui Depositori Data Iklim Bersepadu Kebangsaan bagi menjamin ketelusan data.

Manakala RUUIKLIM pula memudah cara penubuhan Lembaga Perubahan Iklim Negara sebagai sebuah badan bebas yang bertindak sebagai "referee" dalam mengawal selia mekanisme perdagangan karbon dan menguruskan Dana Iklim Kebangsaan.

Arthur menjelaskan bahawa gabungan kedua-dua rang undang-undang ini memberikan kepastian undang-undang dan kekuatan institusi untuk meningkatkan keyakinan pelabur antarabangsa. Selain itu, kementerian juga sedang memuktamadkan Dasar Pasaran Karbon Negara (DPKK) yang selaras dengan sasaran pengurangan pelepasan karbon negara di bawah *Third Nationally Determined Contribution (NDC 3.0)*.

Usaha ini akan turut diperkukuh melalui pelaksanaan rangka kerja Sistem Perakaunan Ekonomi-Alam Sekitar (SEEA) bagi mengintegrasikan nilai aset

alam semulajadi seperti hutan dan paya bakau ke dalam perancangan pembangunan ekonomi negara.

Beliau berkata demikian sewaktu merasmikan pejabat baharu Yamada Consulting & Spire di Kuala Lumpur hari ini. Sambil menekankan kepentingan mantra “*One Team, One Mission*” dalam mendepani cabaran alam sekitar, Arthur turut menyeru penglibatan aktif sektor swasta dan pakar industri untuk bekerjasama rapat dengan penggubal dasar bagi memastikan penggunaan sumber asli negara diuruskan secara optimum dan bertanggungjawab demi kesejahteraan generasi akan datang.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
16 MAC 2026



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nresmalaysia